

# Odessa pintu masuk eksport Malaysia

BH 17/7/03

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan-nya ringkasnya di upacara menandatangani perjanjian usaha sama antara syarikat Malaysia dengan firma Ukraine kelmarin, berkata beliau sebelum ini hanya tabu Odessa melalui novel *Odessa File* sehinggalah beliau membuat kunjungan singkat ke bandar pelabuhan di pinggir Laut Hitam itu.

Memang nama Odessa bukan satu perkara asing kepada peminat novel espionage (pengintipan/perisikan). Selain novel karya Robert Ludlum itu, beberapa novel espionage lain yang bertemakan Perang Dingin, turut menjadikan Odessa sebagai sebahagian latar ceritanya, kalau pun tidak secara keseluruhan.

Ini kerana kedudukan Odessa sebagai satu-satunya pelabuhan yang menjadi pintu masuk ke bekas Soviet Union dan salah satu angkatan laut negara itu turut ditempatkan di sini. Dengan menghadap Turki di sebarang Laut Hitam, pelabuhan Odessa menjadi lokasi popular bagi penulis novel espionage mempertemukan pengintip KGB dan CIA.

Namun, bandar pelabuhan yang dibuka pada abad ke-18 ini bukan saja menjadi ilham novelis popular seperti Ludlum. Penyair terkenal Russia, Pushkin turut melahirkan karya epiknya, *Eugene Onegin* ketika tinggal dalam buangan di Odessa pada 1823-1824. Malah, beliau sempat menjalin hubungan dengan isteri Count Vorontsov, yang menjadi Gabenor Odessa ketika itu. Patung Pushkin yang berdiri megah di depan Hotel Londonska di mana Perdana Menteri makan tengah hari kelmarin, menjadi salah satu mercu tanda Odessa.

Kepada peminat dan pelajar filem pula, Odessa adalah latar filem klasik arahan Sergey Eisenstein mengenai pemberontakan anak kapal perang Potemkin pada 1905, *The Battleship Potemkin*. Walaupun pemberontakan itu akhirnya menemui kegagalan, ia adalah pembuka jalan kepada Revolusi Russia 1917.

Simbol kebanggaan Odessa, Tangga Potemkin (Potyomkinskaya Lestnitsa) yang dibina menghadap pelabuhan pada 1837-1841, terkenal di seluruh dunia selepas ia menjadi latar filem itu, terutama ketika adegan pemberontak itu bersama penduduk Odessa yang bersimpati, lari ketika diserang bertalu-talu tentera Czar.

Kerana lokasinya yang jauh dari Moscow, bangunan di Odessa tidak seperti kota-kota lama lain di Russia, sebaliknya menampakkan ciri-ciri pengaruh Yunani, Perancis dan Tartar. Reka bentuk sebuah masjid di tengah-tengah bandar itu pula menunjukkan ciri-ciri seni bina Empayar Uthmaniyyah. Kehadiran banyak pengaruh dari pelbagai budaya ini berlaku kerana Odessa dan Crimea bukannya sebahagian daripada wilayah Kievan Rus.

Wilayah ini ditakluk Empayar Russia apabila tentera Catherine Agung bergerak ke arah selatan pada akhir kurun ke-18. Pada 1794, dalam usaha mengukuhkan kedudukannya, Catherine membuka sebuah pelabuhan di tapak sebuah kampung nelayan, Khadzhibei. Bandar pelabuhan baru itu kemudian dinamakan sempena penempatan purba Yunani, Odessos.

Kini, walaupun Perang Dingin sudah lama berakhir dan kegiatan pengintipan banyak berubah sehingga Odessa tidak lagi menjadi tumpuan agensi perisikan, bandar pelabuhan ini tetap strategik dari segi perdagangan sehingga turut menarik minat syarikat Malaysia.

Usaha sama antara JM Ventures Sdn Bhd dan Odessa Port Cargo Transshipment Complex yang ditandatangani kelmarin antara lain akan membentuk rakan kongsi bagi membawa masuk minyak sawit dan produk keluaran Malaysia dengan menggunakan kemudahan di pelabuhan itu. Sebuah gudang akan dibina bagi menempatkan produk Malaysia yang lain seperti koko, rempah, kayu parquet, perabot dan barangan elektrik sebelum dipasarkan ke Ukraine, Eropah Timur dan Selatan Russia.

Barangkali, selain kesungguhan Perdana Menteri untuk memperluaskan pasaran barangan Malaysia, kesediaannya terbang lebih sejam ke Odessa kelmarin, adalah kerana keinginannya untuk melihat bandar pelabuhan itu. Seandainya, Ludlum masih hidup, dia pasti tersenyum kerana seorang perdana menteri bukan saja menyebut novelnya, malah singgah di bandar yang menjadi tajuk buku itu.